

Laporan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2000

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

Pertukaran Nama

Nama Bank telah ditukarkan kepada Affin Bank Berhad pada 25 April 2000.

Aktiviti-aktiviti Utama

Aktiviti-aktiviti utama Bank di sepanjang tahun ini adalah menjalankan semua kegiatan perniagaan Bank dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan Skim Perbankan Islam. Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari di sepanjang tahun ini dinyatakan dalam Nota 9. Aktiviti-aktiviti tersebut tidak mengalami sebarang perubahan ketara di sepanjang tahun kewangan ini.

Keputusan Kewangan

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Kerugian sebelum cukai dan zakat	(102,808)	(99,991)
Cukai	(2,319)	(2,124)
	<hr/>	<hr/>
Kerugian selepas cukai dan zakat	(105,127)	(102,115)
Keuntungan terkumpul belum diagih dibawa ke hadapan	367,803	363,102
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan terkumpul belum diagih dihantar ke hadapan	262,676	260,987
	<hr/>	<hr/>

Dividen

Dividen yang dibayar oleh Bank semenjak penghujung tahun kewangan yang lalu adalah seperti berikut:

	RM'000
Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999, seperti yang dicadangkan di dalam Laporan Pengarah tahun berkenaan, dividen terakhir sebanyak 5% selepas ditolak 28% cukai pendapatan dibayar pada 29 April 2000	23,400
	<hr/>

Para Pengarah kini tidak mencadangkan sebarang dividen untuk tahun kewangan semasa.

Rizab dan Peruntukan

Semua pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Hutang Lapuk dan Hutang Ragu

Sebelum penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menentukan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan pembiayaan dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan pembiayaan, dan berpuashati bahawa semua hutang lapuk dan pembiayaan yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan jumlah yang dihapuskan atau diperuntukkan untuk hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan, di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak mencukupi yang akan membawa kesan yang ketara.

Aset-aset Semasa

Sebelum penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa sebarang aset-aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan yang tidak mungkin menghasilkan nilainya di dalam urusan perniagaan biasa, seperti yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Bank, telah dikurangkan nilainya ke paras yang dijangka boleh dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai aset-aset semasa di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan.

Laporan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 (sambungan)

Kaedah Penilaian

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan kaedah penilaian aset-aset atau liabiliti-liabiliti dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak sesuai.

Liabiliti Luarjangka dan Liabiliti-Liabiliti Lain

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- sebarang cagaran ke atas aset-aset Bank atau sesuatu syarikat dalam Kumpulan yang wujud sejak akhir tahun kewangan untuk menjamin sebarang liabiliti pihak lain; atau
- sebarang liabiliti luarjangka Bank atau sesuatu syarikat dalam Kumpulan yang wujud sejak akhir tahun kewangan selain daripada kendalian urusan biasa Bank atau aktiviti-aktiviti Kumpulan.

Tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain telah dikuatkuasakan, atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan berikutan akhir tempoh kewangan ini yang pada pendapat para pengarah, akan atau mungkin menjejaskan Kumpulan dan Bank dalam memenuhi segala kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Perubahan Keadaan

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang perubahan keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang boleh mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata-penyata kewangan berkenaan mengelirukan.

Perkara-perkara yang Bersifat Luarbiasa

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan ini tidak terjejas oleh apa jua butiran, urusanniaga atau perkara yang ketara atau luarbiasa sifatnya.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusanniaga atau perihal yang penting atau bersifat luarbiasa yang akan menjejaskan hasil operasi Kumpulan dan Bank dalam tahun kewangan semasa di mana laporan ini disediakan.

Para Pengarah

Nama-nama para Pengarah Bank yang menyandang jawatan semenjak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

YBhg. Jen (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim (Pengerusi)
YM Raja Dato' Aman Ahmad (Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif)
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin
YBhg. Tan Sri Dato' Haji Yahya Abdul Wahab
YBhg. Lt. Jen (B) Dato' Mohd Yusof Din
YBhg. Dato' Abdul Malik Mohd Salleh
YM Dr. Raja Abdul Malek Raja Jallaludin
YBhg. Dato' Megat Abdul Rahman Megat Ahmad

Kepentingan Pengarah

Mengikut Daftar Pegangan Saham para Pengarah, kepentingan para Pengarah pada akhir tahun kewangan ini dalam saham, waran dan opsyen syarikat-syarikat berkaitan adalah seperti berikut:

	Baki pada 1.1.2000	Belian	Saham RM1 Seunit Pertukaran		Baki pada 31.12.2000
			(kepada)/daripada	Jualan	
Affin Holdings Berhad					
YM Raja Dato' Aman Ahmad	37,000	18,500	-	-	55,500
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	-	-	5,714+	-	5,714
	-	3,000	-	-	3,000
ACF Holdings Berhad					
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	10,000	-	(10,000)+	-	-

+ Pertukaran saham ACF Holdings Berhad kepada saham Affin Holdings Berhad, ekoran daripada tawaran awam mandatori untuk baki saham ACF Holdings Berhad yang tidak dipegang oleh Affin Holdings Berhad.

Laporan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 (sambungan)

	Saham RM10 Seunit, RM5 Belum Dipanggil			
	Baki pada 1.1.2000	Belian	Jualan	Baki pada 31.12.2000
PAB Trustee Berhad*				
YM Raja Dato' Aman Ahmad	20,000	-	-	20,000
YBhg. Dato' Abdul Malik Mohd Salleh	20,000	-	-	20,000
YBhg. Tan Sri Dato' Haji Yahya Abdul Wahab	20,000	-	-	20,000
YM Dr. Raja Abdul Malek Raja Jallaludin	20,000	-	-	20,000

* Saham-saham dipegang atas amanah untuk Bank

	Bilangan waran				
	Baki pada 1.1.2000	Pindaan	Belian	Jualan	Baki pada 31.12.2000
Affin Holdings Berhad					
YM Raja Dato' Aman Ahmad	3,000	378**	-	-	3,378
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	-	-	9,250***	-	9,250
			1,500	-	1,500

** Berikutan pindaan kepada jumlah waran, pemegang waran 1995/2005 dan waran 1997/2007 berhak menerima 126 waran baru untuk setiap 1,000 unit waran yang dipegang.

*** Berdasarkan kepada satu waran 1995/2005 untuk setiap empat saham syarikat induk, Affin Holdings Berhad yang dipegang.

	Opsyen untuk Saham Biasa Bernilai RM1 seunit				
	Baki pada 1.1.2000	Diberi	Dilanggan	Tamat Tempoh	Baki pada 31.12.2000
Affin Holdings Berhad					
YM Raja Dato' Aman Ahmad	9,500,000	-	-	-	9,500,000 (a)
	198,000	-	-	198,000	- (b)

(a) Opsyen ini adalah untuk lima tahun, diberikan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") untuk membeli 10,000,000 saham Affin Holdings Berhad daripada LTAT pada harga RM2.50 sesaham. Opsyen ini akan tamat tempoh pada 22 November 2003.

(b) Opsyen ini diberikan oleh Affin Holdings Berhad di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangannya. Opsyen ini telah tamat tempoh pada 9 Mac 2000.

	Opsyen untuk Saham Biasa Bernilai 50 sen seunit			
	Baki pada 1.1.2000	Diberi	Dilanggan	Baki pada 31.12.2000
Boustead Holdings Berhad				
YBhg. Dato' Haji Lodin Wok Kamaruddin	500,000	-	-	500,000#
	9,500,000	-	-	9,500,000##

Opsyen ini telah diberikan oleh Boustead Holdings Berhad di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangannya pada harga opsyen sekitar RM5.19 ke RM5.55 sesaham dan akan tamat tempoh pada 13 Jun 2001.

Ini adalah opsyen untuk lima tahun yang diberikan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk membeli 9,500,000 saham Boustead Holdings Berhad daripada LTAT pada harga RM3.50 sesaham. Opsyen ini akan tamat tempoh pada 22 November 2003.

Manfaat Pengarah

Semenjak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang ganjaran (melainkan ganjaran dan bayaran emolumen-emolumen lain yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan) melalui kontrak yang ditandatangani oleh Bank atau korporat yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah menjadi ahli atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara melainkan beberapa Pengarah yang menerima ganjaran sebagai pengarah/eksekutif dalam syarikat-syarikat berkaitan.

Tiada terdapat sebarang perancangan di akhir tahun kewangan ini atau pun sepanjang tahun kewangan ini di mana Bank atau syarikat-syarikat subsidiari mengambil bahagian yang membolehkan para Pengarah Bank memperolehi manfaat menerusi pembelian saham atau debentur Bank atau mana-mana badan korporat.

Laporan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2000 (sambungan)

Rancangan dan Tinjauan Pemiagaan

Tahun hadapan menandakan permulaan suatu era untuk industri perbankan dan perkhidmatan kewangan, dengan persaingan yang semakin sengit. Strategi yang tepat dan perkhidmatan pelanggan yang cekap menjadi keutamaan. Walaupun pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negara kini dibelenggu oleh masalah ekonomi global, pihak Bank percaya masih ada peluang-peluang untuk memperluaskan perkongsian pasaran di dalam sektor tertentu melalui inovasi dan teknologi. Pihak Bank akan terus menumpukan perhatian kepada sektor perbankan runcit dan komersial termasuk perbankan elektronik.

Penilaian oleh Agensi Luar

Bank telah dinilai oleh agensi luar yang berikut dalam tahun kewangan ini:

Nama agensi penilaian : RATING AGENCY MALAYSIA BERHAD (RAM)
Tarikh penilaian : JULAI 2000
Klasifikasi penilaian
- Jangka panjang : A3 (Pengesahan semula)
- Jangka pendek : P1 (Pengesahan semula)

Syarikat induk dan Korporat Pemegang Muktamad

Para pengarah menganggap Affin Holdings Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, sebagai syarikat induk dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera, 1973, sebagai korporat pemegang muktamad.

Juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatannya.

Berdasarkan resolusi para Pengarah bertarikh 5 April 2001.



Jen (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim
Pengerusi



Raja Dato' Aman Ahmad
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif